

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XIII)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB. HENG LEE LEE**

30. Kampung Besar, Seberang Perai Tengah (SPT) mempunyai banyak lorong kecil tetapi semua dinamakan Jalan Kampung Besar dan ini telah menyusahkan penduduk untuk memberi lokasi rumah yang tepat. Penduduk-penduduk mencadangkan supaya jalan-jalan kecil dinamakan semula dengan tersusun.

(a) Apakah langkah boleh diambil untuk cadangan tersebut?

**YB. DR. AFIF BIN BAHARDIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

30. (a) Kerajaan Negeri boleh mengadakan perbincangan bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), pemimpin – pemimpin tempatan dan semua pihak berkepentingan berhubung cadangan menamakan jalan – jalan kecil di Kampung Besar bagi memastikan keperluan dan syarat – syarat yang ditetapkan dapat dipenuhi.